PP

lwn.

LEE LAI CHOI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
ZAKARIA SAM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-08-2005]
27 JUN 2008

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Ketidakcukupan hukuman - Rayuan menentang - Pertuduhan memberi rasuah kepada anggota polis - Hukuman berkelakuan baik selama tiga tahun dengan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin - Pengakuan bersalah - Kesalahan dibuat secara spontan - Kepentingan awam - Rekod tertuduh sejak dijatuhkan hukuman - Sama ada hukuman patut diubah - Kanun Acara Jenayah, s. 294*

Ini adalah rayuan Pendakwa Raya terhadap ketidakcukupan hukuman yang telah dijatuhkan terhadap tertuduh/responden, yang telah mengaku salah kepada pertuduhan memberi rasuah kepada seorang anggota polis, iaitu satu kesalahan di bawah s. 11 Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('Akta') dan boleh dihukum di bawah s. 16 Akta. Responden telah disabitkan di atas pertuduhan tersebut tetapi sebelum hukuman dijatuhkan, beliau telah merayu dikenakan ikat jamin berkelakuan baik di bawah s. 294 Kanun Acara Jenayah ('KAJ'). Pegawai pendakwa di dalam hujahnya pula menyatakan perintah di bawah s. 294 KAJ adalah tidak sesuai dalam kes ini. Memberi rasuah adalah satu kesalahan yang serius memandangkan hukuman minima di bawah s. 16 Akta ialah 14 hari penjara dan denda RM10,000. Setelah mendengar hujah dari kedua-dua pihak atas hukuman, hakim perbicaraan telah memerintah responden diikat jamin berkelakuan baik selama tiga tahun dengan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin di bawah s. 294 KAJ. Pendakwa Raya, oleh itu, merayu terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Walaupun responden hanya mengaku bersalah selepas beberapa kali kesnya ditetapkan untuk perbicaraan, pengakuan bersalahnya itu masih relevan. Sekiranya kes dibicara ianya akan melibatkan kos yang besar dan juga masa dan tenaga kerja saksi-saksi yang relevan. Kesalahan tersebut juga

dilakukan secara spontan ketika beliau dalam keadaan panik kerana memiliki empat slip nombor loteri haram yang beliau beli dari orang lain. Hukuman berkelakuan baik selama tiga tahun dengan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin bukanlah suatu hukuman yang ringan. Di samping memberi peluang kepada responden untuk mengubah hidup ke jalan yang benar, ianya sentiasa menjadi peringatan kepada responden supaya berhati-hati dan tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah. Sekiranya beliau melakukan kesalahan jenayah dalam tempoh tiga tahun itu beliau boleh dihadapkan semula ke mahkamah, yang mana wang jaminan RM5,000 akan dirampas dan beliau sendiri akan dihukum penjara sebagai ganti kepada hukuman di bawah s. 294 KAJ. Kepentingan awam bukanlah hanya menuntut seorang tertuduh itu dipenjarakan. Sekiranya tertuduh boleh berubah tanpa dipenjarakan, ini juga boleh dianggap sebagai mengambil kira kepentingan awam. Adalah suatu fakta yang tidak dinafikan sejak dijatuhi hukuman pada 28 Julai 2005 sehingga sekarang tiada rekod yang menunjukkan responden telah melakukan sebarang kesalahan jenayah. Oleh yang demikian, ini bukanlah kes yang sesuai untuk mahkamah ini mengubah hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim perbicaraan. (perenggan 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 & 19)

Kes-kes yang dirujuk:

PP v. Dato' Nallakaruppan Solaimalai [1999] 2 CLJ 596 HC ***(dibezakan)***
PP v. Oo Leng Swee & Ors [1981] 1 LNS 109 FC ***(dibezakan)***
R v. Kenneth John Bail [1951] 35 Cr App R 164 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Corruption Act 1997, s. 16
Criminal Procedure Code, s. 294

Bagi pihak perayu - Nazrul Nizam Mohd Zameri TPR
Bagi pihak responden - Naran Singh; T/n Naran Singh & Co

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Zakaria Sam H:

[1] Tertuduh telah mengaku salah kepada pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 12hb. April 2003, lebih kurang jam 2.50 petang bertempat di depan kedai Lee Enterprise No. 40, Jalan Pasar, Taiping di dalam Daerah Larut Matang dan di dalam Negeri Perak secara rasuah memberi kepada seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu anggota Polis Di Raja Malaysia Sarjan Mejar 71392 Syed Hashim bin Syed Kadir yang bertugas di Cawangan D7, Ibu Pejabat Polis Daerah Larut Matang, Taiping, suatu suapan iaitu wang tunai berjumlah RM105.00 sebagai dorongan untuk tidak melakukan sesuatu yang berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya, iaitu untuk tidak menangkap kamu kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 9(1) Akta Rumah Judi Awam 1953 (Akta 289) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 11(b) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 16 Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Undang-Undang Malaysia Akta 575).

[2] Rayuan ini adalah terhadap hukuman sahaja.

[3] Fakta ringkas kes yang dikemukakan adalah seperti berikut:

> Pada 12.4.2003 lebih kurang jam 2.50 petang Sarjan Major 71392 Syed Hashim bin Syed Kadir dan Lans Koperal 121777 Khaidzir bin Khalid bertugas di Cawangan D7, Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Larut Matang, Taiping, sedang menjalankan tugas pencegahan dan pemantauan judi haram di kawasan stesyen teksi Taiping. Semasa menjalankan tugas ini Syed Hashim bin Syed Kadir nampak seorang lelaki Cina (Tertuduh yang mencurigakan berdiri di depan kedai sewa video, Lee Enterprise di alamat No. 40, Jalan Pasar, Taiping. Apabila Syed Hashim bin Syed Kadir menghampiri Tertuduh, Tertuduh telah melarikan diri dan terus masuk ke dalam kedai tersebut. Syed Hashim bin Syed Kadir kemudian telah mengarahkan Tertuduh supaya keluar. Apabila tertuduh keluar dari kedai itu, Syed Hashim bin Syed Kadir telah mengarahkan Tertuduh supaya mengeluarkan barang-barang yang ada dalam simpanannya dan meletakkannya di atas meja untuk pemeriksaan. Antara barang-barang yang dikeluarkan oleh Tertuduh termasuk wang tunai. Semasa Syed Hashim bin Syed Kadir sedang membuat pemeriksaan ke atas barang-barang tersebut Tertuduh kemudian telah mengambil wang tunai yang ada di atas meja dengan

menggunakan tangan kirinya dan terus menghulurkan kepada Syed Hashim bin Syed Kadir sambil berkata 'ambil duit ini pergi minum kopi'. Syed Hashim bin Syed Kadir kemudian terus menangkap Tertuduh kerana mengesyaki Tertuduh telah melakukan kesalahan jenayah kerana sanggup memberikan wang rasuah. Hasil pemeriksaan yang dijalankan ke atas Tertuduh didapati empat (4) slip kertas putih ditulis dengan angka-angka disyaki loteri awam haram. Jumlah wang yang diberikan oleh tertuduh kepada Syed Hashim bin Syed Kadir kemudiannya didapati berjumlah RM105.00.

Sarjan Major 71392 Syed Hashim bin Syed Kadir kemudian telah menyerahkan wang RM105.00 kepada pihak BPR dan membuat aduan BPR Taiping No. 02/2003. Tertuduh kemudian telah ditangkap oleh BPR pada 12.4.2003 untuk siasatan lanjut.

Senarai Barang-Barang Kes

1 keping wang tunai RM50.00 No. Siri CN 9237694, 5 keping wang tunai RM10.00 No. Siri EV 6664303, CR8902347, CC 3560621, ER 6131852, EU0943699, 1 keping wang tunai RM5.00 No. Siri BD 4088688 - P1

Empat (4) slip kertas putih ditulis dengan angka-angka - P2A-D
BPR Taiping Aduan No. 02/2003 - P3

Notis Tangkapan Di Bawah Seksyen 45(3) APR 1997-P4 Senarai bongkar - P5

[4] Tertuduh mengakui fakta ringkas kes dan juga barang-barang kes dan tertuduh telah disabitkan di atas pertuduhan tersebut.

[5] Sebelum hukuman dijatuhkan responden telah merayu dikenakan ikat jamin berkelakuan baik di bawah s. 294 Kanun Acara Jenayah (KAJ) di atas alasan-alasan berikut:

i) Sejak dipertuduh pada 30 Oktober 2003 sehinggalah tertuduh mengaku salah pada 28 Julai 2005, beliau sentiasa hadir di mahkamah tanpa gagal.

ii) Berusia lebih 52 tahun, masih bujang dan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

iii) Ini merupakan kesalahan pertamanya.

iv) Beliau telah mengaku salah

[6] Pegawai pendakwa di dalam hujahnya pula menyatakan perintah di bawah s. 294 KAJ adalah tidak sesuai dalam kes ini. Memberi rasuah adalah satu kesalahan yang serius memandangkan hukuman minima di bawah s. 16 ialah 14 hari penjara dan denda RM10,000.

[7] Setelah mendengar hujah dari kedua-dua pihak atas hukuman hakim perbicaraan telah memerintah responden diikat jamin berkelakuan baik selama tiga tahun dengan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin di bawah s. 294 KAJ.

[8] Untuk memahami mengapa hakim berkenaan memilih hukuman di bawah s. 294 KAJ dan bukan di bawah s. 16 Akta Pencegah Rasuah, kita hanya perlu merujuk kepada alasan penghakiman beliau. Di bawah ini dipetik alasan penghakiman yang relevan bagi maksud rayuan ini.

> Dalam menimbangkan hukuman, Mahkamah mengambil kira OKT adalah pesalah pertama yang berumur 52 tahun dan telah mengakui kesalahannya yang mana ini tentunya telah menjimatkan masa dan kos dan menyenangkan saksi-saksi. Mahkamah turut mengambilkira fakta kes yang menunjukkan OKT telah melakukan perkara tersebut secara spontan apabila beliau diarahkan oleh pengadu Sarjan Mejar 71390 Syed Hashim bin Syed Kadir untuk mengeluarkan barang-barang dalam simpanannya. Mematuhi arahan tersebut OKT telah berbuat demikian dan antaranya OKT telah mengeluarkan wang tunai dan dalam keadaan beliau yang panik seperti yang ditunjukkan di dalam kenyataannya kepada Pegawai Badan Pencegah Rasuah di bawah s. 45(3) Akta Pencegah Rasuah 1997 yang dikemukakan oleh peguambela semasa membuat rayuan, OKT telah menyatakan kepada pengadu, 'ambil duit ini dan pergi minum kopi' sambil menghulurkan RM105.00 kepada pengadu. Fakta bahawa OKT telah panik semasa itu tidak disanggah oleh pendakwa dan ini menunjukkan keadaan pemikirannya semasa beliau melakukan kesalahan ini.
>
> Saya bersetuju dengan pendakwa undang-undang memperuntukan kesalahan memberi rasuah adalah serius tetapi dalam menjatuhkan hukuman Mahkamah perlu menimbangkan keseluruhan fakta dan keadaan sesuatu kes tersebut. Dalam kes ini OKT telah memberi rasuah RM105.00 kepada pengadu sebagai dorongan untuk tidak menangkapnya kerana memiliki 4 slip kertas putih di tulis angka-angka iaitu kesalahan di bawah s. 9(1) Akta Rumah Judi Haram 1953 yang membawa hukuman denda RM5,000.00 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali tetapi fakta kes tidak pula menunjukkan samada OKT telah ditangkap dan didakwa atas

kesalahan tersebut. Walaupun begitu mengambil kira pengakuan salah dan fakta beliau adalah pesalah pertama yang berumur 52 tahun dan kesalahan ini telahpun berlegar di dalam fikirannya sejak beliau ditangkap pada 12.4.2003 khususnya faktor fakta yang tersendiri kes ini iaitu keadaan pemikiran OKT semasa melakukan kesalahan ini. Mahkamah berpendapat OKT sepatutnya diberi satu peluang untuk mengubah corak kehidupan jenayahnya kepada yang tulus mengikut undang-undang. Peguambela telah memohon OKT diletakkan bawah bon untuk berkelakuan baik dibawah s. 294 Kanun Acara Jenayah. Pihak pendakwa bersetuju ikat jamin tersebut boleh digunakan sebagai penghukuman di bawah undang-undang tetapi beliau tidak bersetuju ini adalah kes yang sesuai untuk berbuat demikian. Berlandaskan kes *PP v. Mohd Salim Hamiddulrahman* [1998] 4 CLJ 199 Mahkamah berpendapat s. 294 Kanun Acara Jenayah adalah boleh digunakan sebagai penghukuman dalam kes ini. Mengambil kira keseluruhan keadaan kes ini Mahkamah berpendapat ini adalah kes yang sesuai untuk berbuat demikian. Maka Mahkamah telah melaksanakan keadilan berlandaskan betas kasihan (to tamper justice with mercy) dan telah meletakkan OKT di bawah jaminan untuk berkelakuan baik dengan wang jaminan sebanyak RM5,000.00 dengan seorang penjamin selama 3 tahun di bawah s. 294 Kanun Acara Jenayah. Mahkamah turut merampas wang rasuah RM105.00 untuk di kreditkan kepada hasil Kerajaan Persekutuan.

Ulasan

[9] Setelah mendengar hujah timbalan pendakwa raya dan peguam responden serta meneliti alasan penghakiman di hadapan saya, saya bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh hakim perbicaraan.

[10] Walaupun responden hanya mengaku bersalah selepas beberapa kali kesnya ditetapkan untuk perbicaraan, pengakuan bersalahnya itu masih relevan. Sekiranya kes dibicara ianya akan memakan masa beberapa hari melibatkan ramai saksi. Dalam proses tersebut akan melibatkan kos yang besar. Masa dan tenaga kerja saksi-saksi BPR juga dapat diselamatkan bila responden mengaku salah.

[11] Kes *PP v. Dato' Nallakaruppan Solaimalai* [1999] 2 CLJ 596 HC yang dirujuk oleh TPR tertuduh hanya mengaku salah setelah perbicaraan 12 hari dijalankan, jadi fakta kes ini berbeza.

[12] Saya bersetuju dengan hakim perbicaraan kesalahan tersebut dilakukan secara spontan (spontaneous) ketika beliau dalam keadaan panik.

[13] TPR yang bijaksana menghujahkan responden telah ditangkap 'red handed' kerana disyaki memiliki empat slip disyaki loteri awam haram. TPR mengemukakan kes *PP v. Oo Leng Swee & Ors* [1981] 1 LNS 109 untuk menyokong hujahnya. Saya berpendapat fakta kes tersebut boleh dibezakan. Kes *Oo Leng Swee* melibat kesalahan memproses 3441 gram morfin dan 2880.3 gram heroin yang merupakan satu kesalahan yang amat serius iaitu mengedar dadah berbanding dengan kes yang dirayukan ini.

[14] Untuk satu kesalahan rasuah percubaan merasuah seorang pegawai polis, amaun RM105 yang ditawarkan tidak relevan. Walaupun sogokan yang ditawarkan hanyalah RM5 ianya tetap satu kesalahan rasuah. Bagaimanapun amaun yang ditawarkan adalah relevan dari segi hukuman. Lebih besar amaun sogokan lebih berat hukuman yang patut dijatuhkan. Begitu juga cara sogokan itu ditawarkan juga relevan – adakah ia dirancangkan. Dalam kes yang dirayukan tawaran sogokan adalah secara spontan dari responden yang panik kerana beliau memiliki empat slip empat ekor haram yang beliau beli dari orang lain.

[15] Hukuman berkelakuan baik selama tiga tahun dengan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin bukanlah suatu hukuman yang ringan. Hukuman tersebut disamping memberi peluang kepada responden untuk mengubah hidup ke jalan yang benar, ianya sentiasa menjadi peringatan kepada responden supaya berhati-hati dan tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah. Sekiranya beliau melakukan kesalahan jenayah dalam tempoh tiga tahun itu beliau boleh dihadapkan semula ke mahkamah, yang mana wang jaminan RM5,000 akan dirampas dan beliau sendiri akan dihukum penjara sebagai ganti kepada hukuman di bawah s. 294 KAJ.

[16] Kepentingan awam bukanlah hanya menuntut seorang tertuduh itu dipenjarakan. Sekiranya tertuduh boleh berubah tanpa dipenjarakan, ini juga boleh dianggap sebagai mengambil kira kepentingan awam. Menurut Hilbery J dalam *R v. Kenneth John Bail* [1951] 35 Cr App R 164:

> The public interest is indeed served and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living.

[17] Adalah suatu fakta yang tidak dinafikan sejak dijatuhi hukuman pada 28 Julai 2005 sehingga sekarang tiada rekod yang menunjukkan responden telah melakukan sebarang kesalahan jenayah. Ini telah memenuhi falsafah hukuman seperti yang ditegaskan oleh Hilbery J di atas.

[18] Di dalam isu rayuan terhadap hukuman Hilbery J dalam kes yang sama memutuskan:

> In the first place, this Court does not alter a sentence which is the subject of an appeal merely because the members of the Court might have passed a different sentence. The trial Judge has seen the prisoner and heard his history and any witnesses to character he may have chosen to call. It is only when a sentence appears to err in principle that this court will alter it. If a sentence is exersive or inadequate to such an extent as to satisfy this Court that when it was passed there was a failure to apply the right principles, then this court will intervene.

[19] Saya berpendapat ini bukanlah kes yang sesuai untuk mahkamah ini mengubah hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim perbicaraan.

[20] Di atas alasan yang dinyatakan, rayuan pendakwa raya terhadap ketidakcukupan hukuman ditolak.